

ALIAS AZHAR

Pendemokrasian Sistem Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan

IKHTISAR: Program pembangunan pendidikan bergantung bukan sahaja kepada pembangunan material semata-mata, tetapi memerlukan keprihatinan para pendidik Islam dalam membangunkan kerangka kurikulum dan metodologi pendidikan Islam yang progresif dan berdaya maju. Kertas kerja ini bakal mengupas berkaitan pendemokrasian sistem pendidikan Islam di Malaysia secara umum. Perbincangan meliputi beberapa perkara utama, iaitu: konsep dan falsafah pendidikan Islam, falsafah pendidikan Islam negara Malaysia, dan perbincangan khusus pendekatan-pendekatan yang perlu dalam rangka pendemokrasian sistem pendidikan Islam di Malaysia. Pendemokrasian sistem pendidikan adalah suatu budaya ilmu yang pernah dipraktekkan dalam sistem zaman kegemilangan awal Islam. Semakan dan penambahbaikan kurikulum pengajian Islam di Malaysia harus dilakukan bagi merealisasikan hasrat dan matlamat pendidikan Islam yang selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Dasar Pembangunan Negara. Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan aspek menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah perlu direalisasi secara sistematik. Sistem dan bentuk pendidikan Islam harus mampu mengimplementasikan "khaira ummah" atau sebaik-baik umat dan "ummatan wasatan" atau umat rujukan bagi insan lain.

KATA KUNCI: Pembangunan pendidikan, falsafah pendidikan Islam, pendemokrasian, dasar pembangunan negara Malaysia, dan khaira ummah.

ABSTRACT: This article entitled "Democratization of the Islamic Education System in Malaysia: An Over Review". Education development program depends not only on material development alone, but requires a concern to Muslim educators develop curriculum framework and methodology for Islamic education is progressive and viable. This paper will peel related democratization Islamic education system in Malaysia in general. Discussion covers some of the main topics: concept and philosophy of Islamic education, the national Islamic educational philosophy in Malaysia, and specific discussion of approaches to the framework of the democratization of the Islamic education system in Malaysia. Democratization of the education system is a knowledge-based culture system practiced in the golden age of Islam. Review and improvement of the curriculum of Islamic studies in Malaysia have to be done to realize the aspirations and objectives of Islamic education in line with the National Education Policy and the National Development Policy. Statement of Educational Philosophy of Islam which emphasizes the knowledge, skills, and appreciation of Islam based on the Al-Qur'an and Al-Sunnah should be systematically realized. System and form of Islamic education should be able to implement the "khaira ummah" or the best of peoples and "ummatan wasatan" or reference for other people.

KEY WORD: Education development, philosophy of Islamic education, democratization, Malaysian national development policy, and the best of peoples.

PENDAHULUAN

Keistimewaan pendidikan Islam berjaya meninggalkan kesan positif jangka panjang kepada kehidupan masyarakat. Ini disebabkan pengajian dan pengajaran Islam yang komprehensif bukan setakat persoalan ibadat khusus semata-mata, tetapi juga persoalan tentang bagaimana sesuatu pandangan dan

perlakuan seseorang itu harus ditangani secara rasional. Pandangan hidup Islam merangkumi perkaedahan yang Islamik dan saintifik serta bukannya penghayatan dan pengamalan secara *taqlid* semata-mata mengikut pendekatan tradisi.

Faktor cabaran zaman moden masa kini, pendidikan Islam perlu menitikberatkan

persoalan epistemologi dan falsafah wahyu sebenar yang bakal memberikan gambaran yang jelas tentang Islam yang bukan berdasarkan kepada kepercayaan dogmatik yang tidak boleh dipertikaikan. Bahkan ianya dibina atas dasar yang empirikal, rasional dan mempunyai sumber, sebab musabab, dan kaedah yang rapi sebelum menetapkan sistem pendidikan holistik yang berkaitan dengan persoalan kemanusiaan.

KONSEP DAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Rasionalnya, sistem pendidikan Islam perlu diubah-suai bagi mewujudkan keserasian dengan sistem kehidupan manusia yang sentiasa berkembang dan terdedah kepada arus perubahan. Mengikut pandangan Syahminin Zaini (1986), pendidikan Islam juga meliputi perbincangan tentang permasalahan semasa yang memerlukan usaha mengembangkan sistemnya agar seiring dengan fitrah penciptaan manusia, sekali gus dapat memastikan bahawa ajaran agama Islam dihayati secara syumul dalam kehidupan manusia yang realiti.

Pendidikan, secara makronya, dapat dilihat daripada dua aspek, iaitu: dari aspek masyarakat dan individu. Aspek pertama, masyarakat, pendidikan adalah warisan kebudayaan daripada generasi tua kepada generasi muda demi kesinambungan masyarakat tersebut. Aspek individu pula, pendidikan bermaksud pengembangan potensi yang terpendam (Langgulong, 1991).

Menurut Alfred N. Whitehead (1952), pendidikan ialah pemerolehan seni memanfaatkan ilmu dan seni ini sukar disebarkan. S.M. Naquib al-Attas (1980) pula menjelaskan bahawa pendidikan sebagai pengenalan dan pengakuan tentang tempat-tempat yang tepat daripada segala sesuatu dalam tata-susunan penciptaan, yang dipupuk secara beransur-ansur dalam diri insan, sehingga membimbingnya ke arah mengenal Pencipta sebenar.

Pandangan yang lebih objektif tentang pendidikan Islam bahawa pendidikan Islam bertujuan mendidik akhlak (Athiyah Abrashi, 1974). Kesimpulan turut dibuat berkaitan pendidikan mengikut perspektif Islam, iaitu: untuk melahirkan insan yang seimbang melalui

latihan rohaniah, intelek, rasional, emosi, dan indera yang dapat membimbingnya mengenal Yang Maha Pencipta. Konsep hamba dan khalifah, insan perlu melaksanakan amanah memakmurkan alam ini (Rahman Abdullah, 1989).

Realiti pendidikan Islam mempunyai tujuan-tujuan yang dapat diklasifikasikan kepada: (1) tujuan am, (2) tujuan khas, dan (3) tujuan akhir (Langgulong, 1991). Ringkasnya, tujuan utama pendidikan Islam ialah memperbaiki akhlak dan mendidik jiwa (Atiyah al-Abrasyi, 1961). Manakala, Wan Mohd Nor Wan Daud (1991) turut menjelaskan bahawa pendidikan itu juga terbentuk secara formal dan informal serta ianya lebih bersifat praktikal, bukan teorikal semata-mata. Oleh itu, kurikulum pendidikan Islam mencakupi keseluruhan ilmu-ilmu pengetahuan tanpa wujud pemisahan antara ilmu agama dan ilmu dunia.

Pendidikan Islam berbentuk fungsional yang normatif sifatnya dan penting dalam aspek: (1) Menentukan haluan proses pendidikan dalam usaha mendidik generasi; (2) Merangsang dan mendorong individu agar bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai nilai-nilai murni dalam kehidupan; dan (3) Menilai pencapaian pendidikan, sama ada berjaya atau sebaliknya (Langgulong, 1991). Di sini jelas membuktikan bahawa pendidikan dan proses pengilmuan Islam berkait rapat dengan proses pembangunan manusia. Oleh itu, amat penting ilmu mengurus diri (*fardhu 'ain*) dan ilmu mengurus sistem (*fardhu kifayah*) diintegrasikan, kerana proses pendidikan ingin melahirkan manusia holistik supaya potensi *'aqliyah*, rohaniah, dan jasmaniah dapat disuburkan secara seimbang dan harmoni.

Pendidikan Islam yang bersumberkan Al-Qur'an, Al-Sunnah, dan keupayaan akal manusia membolehkan manusia meletakkan dirinya sebagai hamba dan khalifah. Menurut Mohammad Ilyas (2003), kekuatan tamadun Islam lalu ditunjangi oleh keupayaan para intelektual dan sarjana yang menguasai ilmu mengurus dan mengkhusus kepada ilmu mengurus sistem yang turut menyumbang kepada tamadun manusia. Menurut Sidek Baba (2005), tradisi dan budaya pendekatan integratif ilmuan Islam dalam memanfaatkan elemen *SIGNS* (Wahyu) dan *SCIENCE* (Kajian)

merupakan faktor kemuncak kegemilangan pendidikan Islam pada masa lalu.

Jejak-jejak tamadun silam memerlukan upaya reflektif yang optimum agar perasaan nostalgik kepada keunggulan silam tidak menyebabkan kita alpa bahawa realiti kini memerlukan metodologi dan mekanisme baru. Pembangunan sumber manusia yang bakal mengendalikan pengurusan diri dan sistem bergantung kepada jenis dan bentuk pendidikan yang diberikan.

Ringkasnya, epistemologi pengajian Islam membuktikan bahawa disiplin pengajiannya adalah bersifat fleksibel, realistik dan progresif, serta bersedia menerima proses pemodenan dan pembaharuan. Gagasan intelektual Islam, seperti Ziauddin Sardar (1985 dan 1994) berpendapat, adalah usaha mencipta serangkaian disiplin ilmu baru atau diistilahkan sebagai "Islamisasi ilmu pengetahuan" dan merealisasikan syariat Islam demi memenuhi kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi masyarakat Islam pasti akan menemui kejayaan hakiki.

Sehubungan itu, tradisi pendidikan Islam secara khususnya merujuk kepada amalan pedagogi yang diamalkan pada zaman kegemilangan Islam. Kita akan mendapati bahawa kurikulum yang diamalkan amat menekankan kepada proses latihan budaya berfikir yang kritikal. Lebih tepat lagi institusi pendidikan Islam bertujuan bukan setakat melahirkan insan yang berilmu, tetapi apa yang lebih penting lagi adalah bagi melahirkan golongan intelektual yang mampu bertindak menggunakan daya intelektual atau daya kognitif akal yang kritikal (Azra, 1999).

Ringkasnya, rumusan utama yang boleh dipetik dari pembentangan konsep dan falsafah pendidikan Islam ini secara jelas menunjukkan realisasi pendemokrasian sistem pengajian Islam silam. Fakta ini walaupun begitu pahit untuk ditelan oleh umat Islam semasa, tetapi demi untuk menjayakan usaha pendemokrasian pendidikan Islam di Malaysia, ianya terpaksa didedahkan secara berhemah. Bertujuan membongkar faktor utama kemunduran daya intelektual umat Islam, yang kemudiannya boleh difikirkan kaedah terbaik untuk mengatasi persoalan budaya *taqlid* ini yang mendominasi sistem pendidikan Islam kini.

PENDEMOKRASIAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PADA MASA SILAM

Sumber ilmu yang utama, mengikut Al-Qur'an (96:1-5), adalah daripada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) yang mengajar ilmu menulis dan membaca, termasuk teknologi yang ditanzilkan, kepada manusia melalui para Nabi (Syaltut, 1981). Sejarah manusia pertama adalah berkaitan dengan konsep khalifah atau wakil Allah di muka bumi, sepertimana dinyatakan oleh Al-Qur'an (1:30, 35:39, dan 10:14). Secara rasional dan logiknya, Allah SWT telah menyampaikan ilmu dan juga kemahiran kepada Adam AS (*Alaihi Salam*) bagi kelancaran hidupnya dan zuriat di dunia ini. Gerakan intelektual umat Islam berjalan lancar seiring dengan pengutusan Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) sebagai Rasulullah pada tahun 610 Masihi dan sewaktu dengan penurunan Al-Qur'an (Madkur, 1954).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa sumber primer pembangunan pendidikan Islam di sekitar seratus tahun pertama Hijrah mempunyai hubungan erat dengan epistemologi pengajian Islam. Al-Qur'an dan Al-Sunnah yang sarat dan padat dengan rujukan dan anjuran serta dorongan terhadap umat Islam agar menuntut ilmu, mempelajari, menganalisa, dan menganjurkan penggunaan akal semaksimum mungkin untuk manfaatnya (Sardar, 1989). Menurut Sayyid Muhammad Hussein al-Tabataba'i (1984) pula, beratus-ratus ayat Al-Qur'an memaparkan penghargaan terhadap kedudukan dan peranan ilmu pengetahuan dalam kehidupan insan serta menstimulasikan setiap individu Muslim agar mencari, mengkaji, mengumpul, dan memanfaatkan ilmu pengetahuan.

Malah, sebagaimana penekanan yang diberikan oleh Ali Sami al-Nasyar (1962), seluruh perbahasan falsafah dalam budaya ilmu Islam adalah berdasarkan hujah-hujah Al-Qur'an. Sumber agung tersebut berulang kali menyeru supaya manusia memerhatikan dengan teliti segala kejadian ciptaan Allah SW. Selanjutnya, beliau menegaskan bahawa kaedah *qiyas* dan metodologi penyelidikan telah dicetuskan sejak generasi pertama Islam lagi (Sami al-Nasyar, 1962).

Selain itu, ketamadunan Islam yang berpaksikan peradaban keilmuan yang

terkandung di dalam sumber agung ajaran Islam, dalam masa yang sama turut mengapli­kasi proses adaptasi dan asimilasi daripada ilmu pengetahuan ketamadun asing yang tidak bercang­gah dengan ajaran Islam. Seyyed Hossein Nasr (1988) telah menegaskan bahwa sumber pemangkin pembangunan keilmuan Islam terdiri daripada: (1) Kekuatan internal sistem pengajian Islam sendiri yang bersumberkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah Nabi Muhammad SAW; dan (2) Sumber sekunder keilmuan tamadun-tamadun yang membangun sejajar dengan perkembangan Islam, dalam masa yang sama ianya tidak bercang­gah dengan prinsip-prinsip Islam.

Sifat keterbukaan yang wujud dalam budaya keilmuan Islam ini merupakan faktor dalaman yang mendorong penguasaan ilmu yang cemerlang dan gemilang. Aplikasi dan implikasi sains juga menjadi lebih realistik dan bukan sekadar mistik. Perkembangan pendidikan Islam dalam ketamadun Islam adalah terhasil daripada interaksi dan integrasi mantap antara sumber agung ajaran Islam dan adaptasi sumber keilmuan asing (Khaldun, 1968; dan Yahya, 1990).

C.A. Qadir (1988) telah merumuskan bahwa pembahagian ilmu yang merujuk kepada sumber-sumbernya di dalam sejarah dan tamadun Islam adalah seperti berikut: (1) Ilmu yang berpunca daripada sumber-sumber wahyu, iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah; (2) Ilmu yang lahir daripada sumber hikmah atau yang disebut ilmu *Laduni*; dan (3) Ilmu yang disebut sains intelek.

Sehubungan itu juga, Mahmud Syaltut (1981) dalam mukaddimah tafsirnya turut mengemukakan cabang-cabang ilmu berikut, yang terhasil dan terkandung dalam pengajian Islam sejak kebangkitan awal Islam. Antaranya: (1) *Nahu*, (2) Kesusasteraan Arab, (3) Bacaan Al-Qur'an atau *tajwid* dan *qira'at*, (4) Tafsir Al-Qur'an, (5) *Fiqh*, (6) *Usul al-Din*, (7) Ilmu Kalam, (8) Sejarah, (9) Perancangan bandar dan wilayah atau pentadbiran, (10) Astronomi, (11) Perubatan, (12) Sains Haiwan atau *zoology*, dan (13) Sains Tumbuhan atau *botany*.

Kesimpulannya, Al-Qur'an dan Al-Sunnah merupakan penggerak dan pencetus serta pendorong terawal yang telah memperkembangkan budaya demokrasi

ilmu dalam sistem pendidikan Islam. Ia juga berperanan dalam memotivasikan umat Islam agar berusaha meneroka dan membongkarkan berbagai lapangan keilmuan yang merangkumi ilmu berteraskan akal, sains *tabi'i*, dan sains berbentuk teknikal yang pada peringkat awal perkembangannya adalah melalui terjemahan karya-karya asing ke dalam bahasa Arab.

Selain itu juga, Islam sebenarnya telah mengadakan suatu sintesis terpenting dalam sejarah peradaban insan. Perkembangan pesat ketamadun Islam terbukti telah menyaingi tamadun-tamadun lain yang terdahulu dan yang terkemudian. Ini terhasil daripada selain kekuatan dalaman yang berpaksi kepada dua sumber dogmatik, iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah yang melahirkan kegiatan intelektual Islam yang dinamis dan kreatif, mereka juga turut menyerapi, mengasimilasi, dan seterusnya menyaring warisan ilmu pengetahuan daripada ketamadun terdahulu (Wiener, 1973).

Al-Qur'an dengan ruh atau semangat penerokaan ilmu telah mengimplementasikan semangat universalisme, globalisme, dan internasionalisme di kalangan umat Islam. Sehubungan itu, proses stimulasi berlaku di kalangan umat Islam untuk mengaplikasikan dan merealisasikan usaha adaptasi dan asimilasi unsur-unsur keilmuan tamadun lain dalam rangka mengukuhkan sistem pendidikan dalam ketamadun Islam (Nasr, 1994). Sifat dan sikap keterbukaan budaya ilmu Islam ini merupakan pra-syarat utama dalam pembangunan dan perkembangan sistem pendidikan Islam dalam ketamadun Islam.

Pendidikan Islam berkembang pesat melalui proses penginstitutionan secara rasmi dan sistematis. Usaha dan kegiatan cemerlang ini mempunyai hubungan-kait dengan budaya kelompok komuniti Abbasiyah (Shuib, 1995). Rumah persendirian merupakan institusi terawal pendidikan Islam, iaitu rumah Al-Arqam bin Abi al-Arqam yang dikenali sebagai *Dar al-Arqam* (Ishak, 1989). Rasulullah Muhammad SAW merupakan guru dan pendidik pertama umat Islam. Rumah para ulama dan saintis Islam seperti Ibn Sina juga turut menjadi tumpuan dan kunjungan pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan (Baharuddin, 1986).

Seterusnya, masjid telah memainkan peranan yang lebih serius dalam perkembangan pendidikan Islam. Pada zaman Abbasiyah (750-1258 Masihi), masjid muncul sebagai institusi pendidikan yang lebih efisien dan luas fungsinya. Selain ilmu-ilmu keagamaan seperti Al-Qur'an dan Al-Sunnah, turut dikembangkan ilmu daripada pelbagai cabang seperti sains dan falsafah (Ibrahim, 1999). Lama-kelamaan, masjid telah bertukar menjadi pusat khusus untuk pendidikan yang dikenali sebagai maktab. Makna asalnya ialah sekolah rakyat atau sekolah rendah; daripada sudut pendidikan, ia merupakan tempat pertama untuk memupuk minat dan pemikiran saintifik pelajar melalui kajian alam tabi'i dan asas metafizik (Harun, 1992).

Institusi masjid dan maktab merupakan asas utama dan pemangkin ke arah penubuhan dan penggubalan sistem pendidikan Islam yang lebih sistematik, seperti madrasah dan universiti di dunia Islam (Mohd Naim, 2003). Dalam konteks pendidikan peringkat tertinggi atau universiti turut menyumbang dan menawarkan sistem pendidikan dalam pelbagai bidang. Malah menurut Hairuddin Harun (1992), institusi pendidikan rasmi dan sistematik ini telah berjaya mendemokrasi pendidikan ilmu pengetahuan ke satu tahap yang belum pernah berlaku dalam tamadun lain.

Tiga model terpenting universiti ulung dalam pengajian ilmu pengetahuan, iaitu: (1) Institusi *Bayt al-Hikmah* di Baghdad dan di seluruh wilayah Islam pada abad ke-2 sehingga 4 Hijriyah = abad ke-8 sehingga 10 Masihi yang mewakili kebangkitan aliran rasionalisme dan falsafah Islam pada zaman Abbasiyah; (2) *Madrasah Nizamiyah* di Baghdad dan rangkaianannya di seluruh wilayah Abbasiyah, pada abad ke-5 sehingga 6 Hijriyah = abad ke-11 sehingga 12 Masihi yang mewakili kebangkitan aliran Asy'ariah yang menjadi pengkritik terhadap aliran rasionalisme atau terhadap falsafah dan sains; serta (3) Universiti Al-Azhar di Mesir sebagai lambang pencapaian umat Islam dalam kegiatan intelektual menjelang abad ke-10 Masihi. Semuanya membawa imej yang jelas serta mendokong aliran falsafah dan sains Islam (Shuib, 1995; dan Zarrina Sa'ari & Abd Majid, 2000).

Selain itu, sokongan dan dokongan serta naungan politik pemerintah juga memainkan peranan penting dalam usaha penginstitutionan ilmu dan pembentukan budaya ilmu yang cemerlang (Syalabi, 1976). Fenomena ini diperkukuhkan dengan penubuhan perpustakaan-perpustakaan persendirian dan awam yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penyelenggaraan bahan rujukan, serta tempat diskusi para sarjana dan saintis Islam (Hisn & Nadiah, 1984).

Seterusnya, penginstitutionan ilmu mencapai peringkat tertinggi atau kemuncak dengan tertubuhnya universiti-universiti agung seperti Al-Azhar yang berkonsepkan kesatuan seluruh bidang ilmu, sama ada keagamaan atau yang berasaskan kegiatan 'aqliyah seperti logika, matematik, kejuruteraan, astronomi, perubatan, dan lain-lain (Yahya, 1986). Jelas di sini bahawa konsep pendemokrasi ilmu merupakan prinsip asasi dan utama dalam tradisi, epistemologi, dan institusi awal pengajian Islam. Malah, Islam dan umat Islam berada di kemuncak kegemilangan yang dianggap era kemajuan dan keemasan keilmuan dan pemikiran Islam (Mohamad, 1994).

Al-Kindi membuktikan bahawa wujud keserasian falsafah dan agama, iaitu falsafah mempertahankan hujahnya berdasarkan akal, agama pula berhujah berdasarkan wahyu. Sehubungan itu, beliau meletakkan autoriti akal pada kedudukan yang wajar. Malah beliau juga membahagikan sains kepada dua daripada sudut klasifikasinya, iaitu ilmu wahyu dan ilmu akal (dalam Sulaiman ibn Juljul, 1955). Jelas, di sini tidak wujud kontradiksi antara wahyu dan akal dalam pengajian sains itu sendiri. Bagi Al-Farabi pula, dalam usaha menyelesaikan konflik antara sarjana keagamaan dan saintis, beliau telah mengutarakan epistemologi bersepadu yang menggarap ilmu berasaskan wahyu dengan ilmu yang didasari kegiatan 'aqliyah atau akal (dalam Bello, 1989). Ibn Sina lebih proaktif dalam usaha mewujudkan integrasi ilmu yang berasaskan wahyu dan ilmu-ilmu akal, beliau membuat kesimpulan bahawa para Nabi mengemukakan hikmah amali melalui bantuan rohani, para saintis membantu manusia dalam menegakkan kebenaran melalui aplikasi akal yang kritis dan analitis (dalam Muhammad al-

Syahrastani, 1968).

Polemik dan konflik tentang pemisahan pendidikan Islam dan keilmuan lain dalam konteks epistemologi Islam adalah jauh perbezaannya dengan epistemologi Barat (al-Nadwi, 1913/1974; dan Noordin, 1992). Namun kesan yang timbul pasti menggugat kesinambungan demokrasi dalam pendidikan Islam. Berikutan polemik tersebut, muncul istilah-istilah seperti “ilmu dunia” dan “ilmu akhirat”, “ilmu sekular” dan “ilmu syariat”, serta paling ketara “ilmu wahyu” dan “ilmu akal” (Shuib, 1995). Pengkelasan bidang ilmu yang berasaskan perbezaan istilah berjaya mempengaruhi pemikiran umat Islam, mewujudkan jurang pemisahan nyata antara ilmu sains daripada kurikulum pengajian Islam dan sekaligus menjejaskan kecemerlangan budaya keilmuan Islam. Pemisahan dua monumen utama tersebut menzahirkan bahawa Islam tidak dapat menyesuaikan fahaman dan paradigmanya dengan perkembangan semasa (Sardar, 1991; dan Nasr, 1994).

Selain itu, Islam dilihat gagal mengambil sikap pemodenan yang terbuka melalui aplikasi sains dan teknologi dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Islam (Mohamad, 2003). Pendidikan Islam seharusnya merangkumi bidang ilmu pengetahuan secara syumul, tanpa wujud pemisahan antara satu bidang dengan bidang yang lain. Malah jika dianalisis dan diteliti, pendekatan Al-Qur’an terhadap sains dan teknologi adalah dinamik dan statik. Ia menggalakkan penggunaan akal secara maksimun, bersifat objektif, dan menuntut kecemerlangan; tetapi pada masa yang sama, ia menetapkan usaha-usaha ini dalam batasan dan kerangka etika serta nilai Islam (Naquib al-Attas, 1980; dan Hussein Sardar, 1991).

Pada asasnya, pengembangan kekuatan pendidikan bagi semua pelajar memerlukan pembentukan kurikulum pendidikan dan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi keperluan semasa. Perspektif penuh nilai yang menganggap pengetahuan yang dimiliki sebagai satu jenis pengetahuan yang dibina oleh manusia dalam konteks budaya, pemikiran, pendidikan, dan konsepsi sosial. Perbincangan tentang pendidikan

Islam, perkara terlintas di fikiran kita adalah mempelajari perkara yang ritual, seperti ilmu ketuhanan, dan ilmu syariah yang merangkumi ibadah, muamalat, dan adat.

Realitinya, sumber pengetahuan dan pengajian Islam ialah Al-Qur’an dan Al-Sunnah, tetapi penggunaan akal atau kaedah berfikir merupakan satu gagasan ilmu yang memantapkan tradisi keilmuan Islam. Keseimbangan dan keharmonian wahyu dan akal dalam aspek mengasaskan keilmuan atas ajaran wahyu melahirkan tamadun terbaik dan dinamik. Islam memajukan pelbagai bidang ilmu pengetahuan melalui konsep demokrasi ilmu di atas dasar pelaksanaan kurikulum bersepadu, tanpa elemen dikotomi atau pengasingan bidang ilmu pengetahuan.

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Sejak mencapai kemerdekaan (1957 dan 1963), ekonomi negara Malaysia telah melalui proses pembangunan yang cergas dan proaktif. Namun keperluan orientasi pembangunan negara berdasarkan pencapaian matlamat Wawasan 2020 memerlukan komitmen yang konsisten dan komited terhadap keupayaan sistem pendidikan negara (Mohamad, 1991; dan Ali, 2000). Keupayaan ini dikaitkan dengan sistem pendidikan yang membolehkan masyarakat Malaysia pada masa itu menjadi masyarakat berilmu dan mempunyai pengetahuan tinggi. Sebagai kesimpulannya, usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 perlu melalui sistem pendidikan kebangsaan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (Mohamad, 1991; dan Ahmad, 1993). Falsafah ini diterapkan secara eksklusif dan kondusif di peringkat pengajian prasekolah, sama ada peringkat Sekolah Rendah (KBSR, Kurikulum Baru Sekolah Rendah); peringkat Sekolah Menengah (KBSM, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah); mahupun peringkat pendidikan tinggi (IPTA/S, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta).

Jika dilihat sistem pendidikan dan pengajian di IPTA dan IPTS di Malaysia seolah-olah seperti sistem pendidikan awal abad *Renaissance* hingga era revolusi informasi (Zahir Zainuddin, 2005). Implikasi positifnya mula memberi impak terhadap masyarakat Islam umumnya

(Nasr, 1988). Kepentingan menguasai ilmu pengetahuan yang holistik amat penting dalam menghadapi dunia global yang serba mencabar.

Keperluan dan kesinambungan hidup manusia bergantung sepenuhnya kepada tiga keperluan. *Pertama*, pekerjaan untuk kelangsungan hidup yang memerlukan antara lainnya kepada penciptaan pelbagai ilmu sains sosial dan sains tulen, khususnya pengetahuan S&T (Sains & Teknologi) yang bakal menghasilkan alat teknikal bagi memudahkan kelangsungan hidup manusia. *Kedua*, komunikasi untuk tujuan perhubungan sesama manusia yang memerlukan kepada penciptaan dan penyusunan ilmu bahasa, perfileman, kaedah hermeneutik (pentafsiran sesuatu karya), dan kaedah kritikan. *Ketiga*, agama ataupun sistem etika bagi mengatur agar perjalanan media pekerjaan dan komunikasi dapat berjalan dengan baik, seimbang, dan memberikan manfaat kepada semua umat manusia (Amin Abdullah, 2006). Sebagai contohnya, setiap profesyen pekerjaan dalam pelbagai jenis perlu berpegang kepada etika profesyen yang khusus, yang lebih berteraskan kepada kerangka ideologi ataupun agama sebagai piawaian dan sistem nilai di dalam menjalankan aktiviti (Mohd Naim, 2003).

Kesemua keperluan tersebut mampu dicapai melalui ilmu pengetahuan yang saling melengkapi di antara satu sama lain sebagai panduan asas dan mempermudah lagi kehidupan. Usaha menghidupkan kembali budaya ilmu dan tradisi keilmuan Islam silam bererti menafikan wujudnya dikotomi dan pengasingan bidang ilmu pengetahuan. Budaya ilmu boleh difahami sebagai kewujudan suatu keadaan di mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, dengan kegiatan-kegiatan pada setiap kesempatan yang ada. Selain itu juga semua tindakan, sama ada di peringkat individu atau berkumpulan, adalah diambil dan dilaksanakan berdasarkan kejituan ilmu pengetahuan.

Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara bersepadu boleh melahirkan generasi atau individu yang memiliki keampuhan dan kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan semasa. Justeru, kecemerlangan intelektual

dapat dikembangkan, keterampilan dan kewibawaan diri dapat direalisasikan, dan proses ini juga memberikan impak besar dalam melahirkan insan seimbang dan harmonis seperti yang terkandung dalam matlamat Falsafah Pendidikan Negara Malaysia (Fatah Hasan, 2003).

Penulis ingin merujuk khusus kepada Falsafah Pendidikan Islam Negara Malaysia bagi menjelaskan pendirian dan prinsip negara dalam usaha pendemokrasian pendidikan Islam. Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia merupakan platform unggul dalam menjana pembangunan pengajian syariah yang syumul. Namun, falsafah akan hanya menjadi sekadar falsafah jika tidak diaplikasikan sewajarnya. Berikut adalah petikan Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia:

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (KPM, 2005).

Sehubungan itu, Ibn Khaldun (1968) turut menyatakan tentang tujuan pendidikan, iaitu: (1) Mempersiapkan individu dari segi keagamaan; (2) Memperlengkapkan akhlak manusia; (3) Memperlengkapkan sosial manusia; (4) Memperlengkapkan individu dengan kemahiran vokasional dan kerjaya; serta (5) Mempertingkatkan daya pemikiran. Di sini jelas bahawa kandungan Falsafah Pendidikan Islam adalah relevan dengan tujuan pendidikan yang sebenar. Namun, nilai keilmuan dalam kurikulum harus digubal secara bijaksana, kreatif, dan komprehensif. Pendekatan ini penting bagi menghasilkan sumber manusia yang berperanan dengan berkesan dalam proses pembangunan negara. Selain itu, dalam konteks pendidikan dan latihan, ilmu yang integratif amat penting bagi membentuk peribadi yang holistik yang merangkumi akal, rohani, dan fizikal.

Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara banyak bergantung kepada karakter dan karismatik manusia yang dilahirkan oleh sistem pendidikannya. Sistem pendidikan

negara Malaysia tidak dapat mengelak daripada mengalami perubahan apabila kemerdekaan dicapai (Ahmad, 1993).

Pendidikan, menurut Wan Mohd Wan Daud (1998), melibatkan proses pembangunan insan. Pada tanggapan Barat, pendidikan dikaitkan dengan proses pemindahan maklumat, keterampilan, dan pengalaman dari guru kepada murid atau dari pensyarah kepada pelajar (Nor Wan Daud, 1991). Pendidikan dalam perspektif Islam mengambil kira faktor pembentukan insan dan faktor pembangunan sistem. Oleh kerana sifat sistem dinamik berubah, Omar Hashim (1999) turut mengatakan bahawa jenis kurikulum dan metodologi pendidikan juga harus mengalami perubahan. Tetapi perubahan dalam sistem pendidikan tetap mengekalkan asas-asas fundamental supaya sifat ilmunya berkembang dan mampu menyusuri zaman.

Falsafah Pendidikan Islam di negara Malaysia adalah seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara Malaysia pula yang memberi tumpuan kepada pembentukan insan yang seimbang, sepadu, dan harmonis. Namun falsafah akan hanya menjadi sekadar slogan sekiranya aplikasi kurikulum tidak selaras dengan pernyataan falsafah. Menurut Sufean Hussin (1993), kurikulum merupakan rancangan yang “*tangible*” dan konkrit dalam menterjemahkan hasrat, kehendak, falsafah, dan matlamat pendidikan. Begitu juga Omar Hashim (1999) yang berpendapat bahawa kurikulum juga merupakan “*blueprint*” yang boleh dijadikan panduan untuk menjayakan sesuatu rancangan atau program. Justeru, kejayaan pelaksanaan perspektif-perspektif baru, pendidikan, dan epistemologi dalam konteks pengajian syariah memerlukan kepada suatu perancangan kurikulum yang teliti dan rapi.

Rasionalnya, Al-Qur'an dan Al-Sunnah itu sumber Islam yang murni dan universal. Penghayatan nilai-nilai ini dalam undang-undang dan peraturan masyarakat adalah penting. Oleh itu, menurut Mahmood Zuhdi (1997), ia perlu dipadankan terlebih dahulu mengikut permasalahan, keperluan, dan realiti yang ada. Proses realisasi inilah yang kemudiannya menjadikan nilai-nilai itu, dari dimensi berkenaan, sebagai nilai-nilai

realistik yang sudah terbentuk dengan segala realistiknya.

Selain itu, Norsaidatul Akmar Mazelan (2003) berpendapat bahawa impak sains dan teknologi terhadap skop penguasaan ilmu dan maklumat akan jauh lebih luas dan pelbagai. Proses pemakluman pengilmuan sebagai teras utama dan model perisian (*softwares*) akan menjadi lebih utama dalam strategi pembinaan kurikulum, pembelajaran, dan pengajaran. Elektronik dan digital akan memperlihatkan kecanggihan yang nyata, sama ada dalam teknologi komunikasi atau bidang-bidang lain. Jadi, di sini merupakan cabaran utama bagi sistem pengajian Islam sedia ada, ianya harus seiring dengan perkembangan semasa. Reformasi amat perlu dilakukan secara holistik daripada aspek falsafah, kurikulum, pedagogi, dan metodologi pengajiannya.

Kesedaran bahawa Islam pernah gemilang bukan sahaja dalam pentadbiran dan kerajaan, tetapi juga cemerlang dalam bidang pendidikan pada suatu masa dulu. Kegemilangan ini tidak mustahil akan dapat diulangi dan dikecapi semula pada masa kini dan akan datang. Di dunia Timur, dalam hal ini merujuk dunia Islam, pengajian ilmu-ilmu agama Islam yang normatif-tekstual terpinggir daripada perkembangan ilmu S&T (Sains & Teknologi), sosial, ekonomi, perundangan, dan kemanusiaan pada umumnya (Amin Abdullah, 2003).

Begitu juga dalam sejarah sistem pendidikan Islam masa silam, di mana menurut Hairudin Harun (1992) wujud dwi pola pengembangan ilmu. *Pertama*, bercorak integralistik-eksiklopedik yang dipelopori oleh para sarjana Islam unggul seperti Ibn Sina, Ibn Rushd, dan Ibn Khaldun. *Kedua*, pola pengembangan keilmuan agama yang spesifik dan dipelopori oleh ahli Hadist dan ahli Fiqh. Gejala ini timbul hasil daripada pembahagian ilmu kepada kategori ilmu fitrah (*fardhu 'ain*) dan ilmu asing (*fardhu kifayah*). Implikasi negatif amat besar terhadap kegagalan usaha pendemoKrasian sistem pendidikan Islam.

Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan mekanisme utama dalam usaha melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi memanifestasikan matlamat-matlamat sebagai satu kenyataan (Hussin, 1993). Generasi yang bakal dilahirkan

mampu memahami fakta, maklumat, dan sumber ilmu. Selain itu, mereka boleh membuat rujukan, kajian dan penyelidikan, serta berketerampilan dalam mengaplikasikan teknik, metodologi penaakulan, dan konsepsi.

Institusi pendidikan Islam di Malaysia merupakan logistik akademik yang strategik bagi memperolehi ilmu dan berperanan untuk melahirkan pelajar yang benar-benar faham konsep hamba dan khalifah (Zuhdi Abd Majid, 2003). Jika dua unsur ini dapat dihayati oleh pelajar, maka mereka akan berusaha untuk belajar, seterusnya berbakti semaksimum mungkin kepada masyarakat. Selain melihat kepada tujuan pendidikan yang antaranya untuk membentuk keperibadian Islam dan mendedahkan kepada pelajar dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang praktis. Strategi pendidikan juga harus diberikan keutamaan di mana boleh dirumuskan bahawa antara strategi pendidikan Islam ialah proses pembentukan *'aqliyah* dan *nafsiyah* Islam.

PENDEMOKRASIAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Menurut Jujun S. Suriasumantri (1990), proses pendidikan yang terkandung dalam sistem pendidikan mensyaratkan wujud penelitian ilmiah sebagai salah satu mekanisme pengukur impak positif kepada *out-put* yang terhasil daripada sistem pendidikan tersebut. Oleh itu, sistem pendidikan Islam turut relevan dalam rangka pendemokrasian bagi membolehkan ianya berdaya saing setaraf dengan pengajian-pengajian moden lain.

Elemen pendemokrasian sistem pendidikan dan berbudaya fikir adalah suatu budaya ilmu yang pernah dipraktikkan dalam sistem zaman kegemilangan awal Islam (Abdul Rauf, 1995). Malah, menurut Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), para tokoh terdahulu turut membahagikan kurikulum pendidikan kepada kurikulum wajib (*ijbari*) dan kurikulum pilihan (*ikhtiari*).

Perbahasan semasa tentang proses pendemokrasian pendidikan Islam dalam konteks Malaysia turut melibatkan konsep pendidikan Islam itu sendiri, yang banyak dibahas oleh sarjana-sarjana Islam bagi menjelaskan konsep sebenar pendidikan Islam (Salih Samak, 1983; Zaini, 1986; dan

Langgulong, 1991). Secara makronya, pendidikan Islam perlu berorientasikan kepada ajaran Islam, iaitu berteraskan Al-Qur'an, Al-Sunnah, pengkajian bidang Akidah, Muamalat, urusan kemanusiaan, dan Akhlak (Salih Samak, 1983). Selain itu, menurut Hasan Langgulong (1991), pendidikan Islam bersifat menyeluruh dan mendalam sesuai dengan perkembangan masyarakat.

Sehubungan itu, jika dilihat kepada faktor utama kemajuan dan kecemerlangan tamadun Islam silam, adalah disebabkan oleh wujudnya tokoh-tokoh sarjana yang memiliki ilmu yang sepadu dan boleh ditonjolkan sebagai model hasil daripada sistem Islam yang berteraskan pemahaman dan penghayatan misi dan visi sebenar wahyu, yang terkandung dalam Al-Qur'an (Rofa Ismail, 1994).

Realiti yang harus kita terima dengan rasional dan bijaksana ialah keperluan, permasalahan, dan perubahan semasa yang berkait rapat dengan kondisi masa, tempat, dan keadaan, yang turut memberi impak besar kepada *sistem sosial* (Abdul Rahim, 2000); *sistem ekonomi* (Ahmad, 2001); dan *sistem budaya* (Abu Bakar, 2005); serta *sistem pemikiran* (Mahzar, 2004). Manakala, Norsaidatul Akmar Mazelan (2003) berpendapat bahawa impak sains dan teknologi terhadap skop penguasaan ilmu dan maklumat akan jauh lebih luas dan pelbagai. Proses pemakluman pengilmuan sebagai teras utama dan model perisian (*softwares*) akan menjadi lebih utama dalam strategi pembinaan kurikulum, pembelajaran, dan pengajaran.

Zaman berubah disebabkan oleh komunikasi yang terbuka antara pelbagai budaya; dan implikasinya, proses asimilasi dan transmisi pun berlaku. Selain faktor kemajuan ilmu dan teknologi yang secara langsung atau tidak langsung, memberi impak terhadap kehidupan manusia (Hazim Shah, 2004); begitu juga proses pembangunan negara yang secara dasarnya menyebabkan pelbagai perubahan (Mohamad, 1991).

Jika ditelusuri dari perspektif sejarah, kita akan mendapati bagaimana sejarah ulung pendidikan Islam silam bermula, iaitu pada era penubuhan Madrasah seperti *Nizamiyyah* (Akmansyah, 2004) dan *Universiti Al-Azhar*

(Imamudin, 2004). Berasaskan sistem pedagogi pengajian yang bersifat satu hala (guru mengajar dan murid hanya mendengar dan menghafal segala butiran yang disogokkan oleh guru), bagi jangka masa panjangnya hanya akan melahirkan kalangan pelajar yang cekap menghafal semata-mata, tetapi amat lemah daya penganalisaan kritikal. Di samping, kurangnya pendedahan tentang realiti tempatan semasa dan kehendak pasaran dan kelemahan penguasaan pelajar tentang pengetahuan moden yang amat diperlukan untuk dunia terkini (Wan Mohd Nor, 1990).

Untuk menjamin kemantapan ilmu pengetahuan Islam, kita harus mampu mengenal pasti kaitan fungsional antara interdisiplin dengan pengetahuan lain (Suriasumantri, 1990). Selain itu, perlu diadaptasikan pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang berdasarkan dua hal. *Pertama*, landasan ontologi (apa), epistemologi (bagaimana), dan aksiologi (untuk apa) bagi mengenali, membezakan, serta menganalisis kaitan fungsional antara pelbagai ilmu pengetahuan. *Kedua*, harus bersifat relevan dengan konteks perkembangan zaman.

Pendekatan ini bakal melahirkan para sarjana yang seimbang sifatnya daripada aspek penguasaan ilmu yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembinaan tamadun agung (Yuwono, 2005). Proses ini pula bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang mengutamakan kebebasan intelektual, sekaligus bersifat toleran terhadap pelbagai pandangan dan kepercayaan yang berbeza serta bebas daripada fanatisme (Bustaman Ahmad, 2002).

Merujuk konteks perbincangan ini, seseorang pendidik Islam dibolehkan untuk mengemukakan konsep dan pendekatan baru yang tidak pernah diusahakan oleh sarjana Islam silam. Contohnya, seperti yang ditegaskan oleh serangkaian sarjana Islam Indonesia bahwa kita boleh mengemukakan konsep teologi baru dalam bidang alam sekitar, feminisme, dialog peradaban dan keagamaan, pembangunan, dan sebagainya. Hal ini dikemukakan berasaskan pandangan bahawa kesemua isu tersebut tidak diterangkan secara detail oleh sarjana silam, ataupun ianya belum lagi timbul di zaman silam yang menuntut

mereka mengemukakan pandangan mereka secara tuntas (Amin Abdullah, 1995; Munawar Rachman, 2002; Supena, 2002; dan TPP, 2004).

Secara tegas boleh dibuat konklusi awalan bahawa kejayaan sesuatu proses reformasi yang dipimpin bergantung sepenuhnya kepada wujudnya suatu kerangka pemikiran *tajdid* yang menjadi landasan utama kejayaan proses ini. Namun hakikatnya, landasan pemikiran yang kondusif ini boleh dikatakan sebagai tidak wujud di dalam perkembangan pendidikan Islam, implikasi daripada dominasi pemikiran *taqlid*.

Tajdid dalam optik Islam yang sebenar memerlukan pembaharuan dari aspek pendekatan dan bukannya penukaran atau pembaikan prinsip secara kosmetik. Malah ianya berbeza dengan konsep reformasi Barat. Konsep *tajdid* inilah yang sentiasa diaplikasikan dan diadaptasikan oleh *fuqaha* sejak dari zaman Sahabat Nabi lagi (Nahlawy, 1967). Ianya merupakan usaha yang berkesinambungan dan tidak terhenti, kecuali apabila para intelektual Islam diselubungi oleh gejala *taqlid* (Zuhdi Abd Majid, 2003).

Umumnya, pendekatan yang diambil dalam pendidikan Islam ialah secara preskriptif. Pengajaran dan pembelajaran tidak hanya berkisar di sekitar isu *know-what* (tahu apa), tetapi juga mestilah dalam konteks *know-how* (tahu bagaimana). Dalam erti kata yang simplistik, mengajar ilmu-ilmu pendidikan Islam tidak saja memberi kesan ingatan dan hafazan tetapi juga kesan pemahaman dan penghayatan.

Dalam tradisi pengajaran dan pembelajaran ilmu Islam, ada empat faktor yang perlu diambil kira bagi menimbulkan keberkesanan dalam penghayatan, iaitu: *faham atau kefahaman* (Ibrahim, 1999); *pemikiran atau artikulasi* (Nahlawy, 1967); *semat atau titip atau internalisasi* (al-Buthi, 1961); dan *hayati atau amali* (al-Abrasyi, 1969).

Menurut Abdul Wahab Ismail (1989), tradisi dan metodologi pendidikan Islam seharusnya bersifat futuristik dan mampu menangani kemelut sistem yang kompleks, di samping memperluaskan peranannya dalam aspek metodologi dan tradisi pengajian yang lebih bersifat sepadu. Namun saranan Syahminin Zaini (1986) dan Anuwar Ali (2000)

lebih proaktif dan reflektif dalam usaha mengkoordinasikan sistem pengajian Islam yang progresif.

Pendidikan Islam di Malaysia, tidak terkecuali daripada arus perubahan dan pembaharuan, perlu daripada berasaskan realiti; Islam mengutamakan interpretasi dan penerapan teori yang dibina daripada ilmu untuk kemaslahatan ummah (Wan Omar, 1983; dan Ishak, 1994). Islam menggalakkan peranan ini dimainkan secara langsung supaya rangka nilai ilmu pengetahuan menjadi seiring dan bersepadu dengan usaha yang dilakukan. Ilmu bertujuan merealisasikan kebenaran, keadilan, dan kebajikan umat Islam (Ibrahim, 1999; dan Uthman el-Muhammady, 2005).

Tugas ini harus dipikul oleh para pendidik Islam masa kini dan akan datang, ianya amat bergantung kepada penyusunan semula kurikulum, orientasi semula ilmu, dan pengolahan bijak teks-teks pengajian Islam. Sistem dan bentuk pendidikan Islam harus mampu mengimplementasikan *khaira ummah* atau sebaik-baik umat dan *ummatan wasatan* atau umat rujukan bagi insan lain (Ma'ruf, 1969; Rahman, 1984; dan Langgulgung, 1997).

KESIMPULAN

Pendemokrasian sistem pendidikan Islam di Malaysia harus dilakukan bagi merealisasikan hasrat dan matlamat pendidikan Islam yang selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Dasar Pembangunan Negara. Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan aspek menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah harus digarapkan secara berhikmah. Bidang yang amat penting atau rapat hubungannya dengan pendidikan ialah aspek pembangunan sumber manusia berteraskan kurikulum yang kondusif dan efektif. Oleh itu, proses penyusunan semula dan penyesuaian kembali sistem pendidikan Islam perlu dilakukan melalui pendemokrasian sistemnya.

Konsep pendidikan Islam bukan sekadar untuk menentukan halal dan haram ke atas gerak-laku dan subjek-subjek yang berkaitan dengan kehidupan *mukallaf*. Bahkan, bermatlamat untuk membangunkan dan memajukan *hadharah* atau ketamadunan masyarakat manusia ke arah yang lebih baik di

dunia dan di akhirat.

Arus perubahan pasti member impak terhadap sistem kehidupan manusia. Namun faktor perubahan mampu dipedoman dan dipandu oleh nilai-nilai Islam, tanpa mengetepikan faktor metodologi, pendekatan, atau strategi yang boleh berubah tanpa wujud kontradiksi *maqasid aqidah*, *maqasid syariah*, *maqasid muamalah*, dan lain-lain yang terkandung dalam ajaran Islam. Oleh itu, pendekatan pedagogi atau pengajaran-pembelajaran harus wujud interaksi *syumul* bersama-sama falsafah, hikmah, dan nilai di sebalik sesuatu pengajaran.

Kriteria pendidikan Islam yang luhur harus dihidupkan kembali sewajarnya. Pendidikan Islam bersifat menyeluruh dan luas skopnya; ketelitian dan kedalaman dalam rujukan sumber serta keaslian dalam mencari kebenaran harus dilakukan. Mendidik para pelajar dengan aspek-aspek aqidah, syariah, dan akhlak ialah mendidik mereka agar mengenal tentang prinsip-prinsip dan ruh Islami. Bagi menghadapi cabaran masa kini, amat penting pendidikan tentang prinsip-prinsip aqidah, syariah, adab, fiqh, sirah, akhlak, dan asas tafsir yang memberikan mereka ruh Islami yang hakiki.

Pendidikan Islam harus dilihat dalam konteks yang luas dan mampu mempengaruhi kehidupan manusia dalam semua aspek kehidupan. Falsafah pendidikan Islam yang berteraskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah seharusnya mampu diimplementasikan secara realistik. Pendemokrasian sistem pendidikan Islam memerlukan pendekatan yang drastik, di samping plan tindakan yang praktik; semuanya bertujuan untuk mengembalikan semangat keilmuan Islam silam dan menterjemahkan konsep Islam sebagai agama rahmat seluruh alam.

Bibliografi

- Abdul Rahim, Rahimin Affandi. (2000). "Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan Sejarah" dalam Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad [eds]. *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam UM [Universiti Malaya].
- Abdul Rauf, Muhammad. (1995). *The Muslim Mind: A Study the Intellectual Muslim Life During the Classical*

- Era (1001-700 H). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar, Mohammad. (2005). "Dari Pusat ke Pinggiran: Masa Kini dan Masa Depan Pondok di Malaysia" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jld.3, Bil.1 [April]. Kuala Lumpur: ABIM [Angkatan Belia Islam Malaysia].
- Ahmad, Hussein. (1993). *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi, dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Shofian. (2001). "Masalah Asas Ekonomi dan Penyelesaiannya Menurut Islam" dalam *Jurnal Syariah*, Jld.9, Bil.1, Kuala Lumpur: APIUM.
- Akmansyah, M. (2004). "Madrasah Nizhamiyyah" dalam H. Abuddin Nata [ed]. *Sejarah Pendidikan Islam pada Periode Klasik dan Pertengahan*. Jakarta, Indonesia: PT RajaGrafindo Persada.
- Akmar Mazelan, Norsaidatul. (2003). "Inisiatif Teknologi Maklumat di Malaysia" dalam Zol Azlan Hamidin [ed]. *Koridor Raya Multimedia @ Perjalanan ke Arah Kecemerlangan di Institusi Pengajian Tinggi*. Selangor: UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- al-Abrasyi, M.A. (1969). *Al-Tarbiah al-Islamiah wa Falasifatuha*. Kaherah: Isa al-Baby al- Halaba.
- al-Buthi, M.S.R. (1961). *Tajribah al-Tarbiah al-Islamiah fi Mizan al-Bahs*. Damsyik: Al-Maktabah al-Umawiyah.
- Ali, Anuwar. (2000). "Cabaran dan Masa Depan Sistem Pendidikan Negara". *Kertas Kerja dalam Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia, Anjuran Arkib Negara dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Malaysia*.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan. (1913/1974). *Western Civilization, Islam, and Muslim*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Amin Abdullah, Mohd. (1995). *Falsafah Kalam di Era Postmodernisme*. Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Amin Abdullah, Mohd. (2003). "Etika Tauhidik sebagai Dasar Kesatuan Epistemologi Keilmuan Umum dan Agama" dalam Mohd Amin Abdullah [ed]. *Menyatukan Kembali Ilmu-ilmu Agama dan Umum*. Yogyakarta, Indonesia: UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga Press.
- Amin Abdullah, Mohd. (2006). *Islamic Studies di Perguruan Tinggi: Pendekatan Integratif-Interkoneksi*. Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Athiyah Abrashi, Muhammad. (1974). *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Bulan Bintang, Terjemahan H. Bustami A. Ghani & Djohar Bahry.
- Atiyah al-Abrasyi, Mohd. (1961). *Al-Tarbiah fi al-Islam*. Kaherah: Al- Majlis al- A'aala li Ayuuan al-Islamiah.
- Azra, Azyumardi. (1999). *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*. Jakarta, Indonesia: Logos Wacana Ilmu.
- Baba, Sidek. (2005). "Pendidikan Islam ke Arah Pendekatan Islam Hadhari secara Global". *Kertas Kerja untuk Kursus Perlaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharuddin, Azizan. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bello, A. Iysa. (1989). *The Medieval Islamic Controversi between Philosophy and Orthodoxy*. Leiden: E.J. Brill.
- Bustaman Ahmad, Kamaruzzaman. (2002). *Islam Historis: Dinamika Studi Islam di Indonesia*. Yogyakarta, Indonesia: Galang Press.
- Fatah Hasan, Abdul. (2003). *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Harun, Hairudin. (1992). *Daripada Sains Yunani kepada Sains Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Hashim, Omar. (1999). *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi ke-2.
- Hazim Shah, Mohd. (2004). "A Tale of Two Scenarios in Development of Science and Technology in Malaysia" dalam Mohd Hazim Shah & Phua Kai Lit [eds]. *Public Policy, Culture, and Impact of Globalisation in Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hisan, Muhammad & Jamal al-Din Nadiyah. (1984). *Madaris al-Tarbiah fi al-Hadarah al-Islamiah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Hussein al-Tabataba'i, Sayyid Muhammad. (1984). *Al-Qur'an fi al-Islam*. Tehran: Markaz 'Ilam al-Dhikra al-Khamisah li Intisar al-Thawrat al-Islamiah fi Iran.
- Hussein Sardar, M. (1991). "Sains dan Islam: Wujudkah suatu Konflik?" dalam Ziauddin Sardar [ed]. *Sentuhan Midas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani.
- Hussin, Sufean. (1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem, dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Ismail. (1999). *Isu-isu Semasa dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM [Institusi Kebajikan Islam Malaysia].
- Ilyas, Mohammad. (2003). *Astronomi Islam dan Perkembangan Sains: Kegemilangan Masa Lalu, Cabaran Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit UiTM [Universiti Teknologi MARA], Terjemahan Juneta Zawawi & Norlida Jantan.
- Imamudin. (2004). "Madrasah Tingkat Tinggi (Universitas Al-Azhar)" dalam H. Abuddin Nata [ed]. *Sejarah Pendidikan Islam pada Periode Klasik dan Pertengahan*. Jakarta, Indonesia: PT RajaGrafindo Persada.
- Ishak, Abdullah. (1989). *Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam*. Petaling Jaya, Malaysia: Al- Rahmaniah.
- Ishak, Abdullah. (1994). "Pengajian Pondok dan Kesannya terhadap Masyarakat Islam di Malaysia" dalam Abdul Halim el-Muhammady [ed]. *Pendidikan Islam: Peranannya dalam Pembangunan Ummah*. Kuala lumpur: Penerbit ABIM [Angkatan Belia Islam Malaysia].
- Khaldun, Ibn. (1968). *Al- Muqaddimah*. Kaherah: Lujnah al-Bayan al-'Arabi.
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2005). "Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral" dalam *Manual Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Berasaskan Islam Hadhari Tahun 2005*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Langgulong, Hasan. (1991). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langgulong, Hasan. (1997). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Madkur, Ibrahim. (1954). *Durus fi Tarikh al-Falsafah*. Kaherah: Matba' ah Madkur.
- Mahzar, Armahedi. (2004). *Merumuskan Paradigma Sains dan Teknologi Islami: Revolusi Integralisme Islam*. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan.
- Ma'ruf, Naji. (1969). *'Asalat al-Hadarah al- 'Arabiah*. Baghdad: Matba'ah al-Tadamun.
- Mohamad, Mahathir. (1991). *Wawasan 2020*. Putrajaya, Malaysia: Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohamad, Mahathir. (1994). "Menghidupkan Semula Kegemilangan Tamadun Islam". *Kertas Ucapan dalam Pembukaan Pameran Tamadun Islam Sedunia di Kuala Lumpur*, pada 17 Jun.
- Mohamad, Mahathir. (2003). "Islam Bukan Penghalang Kemajuan" dalam Hashim Makarudin [ed]. *Islam aan Umat Islam: Ucapan Pilihan Mahathir Mohammad (Bekas Perdana Menteri Malaysia)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, Terjemahan Norlida Jantan & Zaleha Abu Bakar.
- Mohd Naim, Ahmad Shukri. (2003). *Konsep, Teori, Dimensi, dan Isu Pembangunan*. Skudai, Johor: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Muhammad al-Syahrastani, Abu al-Fath. (1968). *Al-Milal wa al-Nihal*. Kaherah: Muassasat al-Halabi wa Syarkah li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Munawar Rachman, Budhi. (2002). *Islam Pluralis: Wacana Kesetaraan Kaum Beriman*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Paramadina.
- Nahlawy, A.R. (1967). *Usus al-Tarbiah al-Islamiah wa Turuq Tadrisiha*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM [Angkatan Belia Islam Malaysia].
- Nasir Zakaria, Gamal Abdul. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Pahang: PTS Publications.
- Nasr, Seyyed Hossein. (1988). *Knowledge and the Sacred*. Lahore: Suhail Academy.
- Nasr, Seyyed Hossein. (1994). "Islam dan Sains Moden" dalam Baharudin Ahmad [ed]. *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noordin, Sulaiman. (1992). *Sains, Falsafah, dan Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nor Wan Daud, Wan Mohd. (1991). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qadir, C.A. (1988). *Philosophy and Science in the Islamic World*. London and New York: Croom Helm Ltd.
- Rahman Abdullah, Abdul. (1989). *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Rahman, Fazlur. (1984). *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Rofa Ismail, Mat. (1994). *Mantik, Matematik, dan Budaya Ilmu: Pendekatan Bersepadu dalam Tradisi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Salih Samak, Muhamad. (1983). *Ilmu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sami al-Nasyar, Ali. (1962). *Nasy' at al-Fikr al-Falasafi fi al-Islam*. Iskandariah: Mansya' al- Ma'arif.
- Sardar, Ziauddin. (1985). "Islamic Science or Science in Islamic Polity: What is the Difference?" dalam *Journal of Islamic Science*, Vol.1 [January]. Aligarh: The Muslim Association for the Advancement of Science.
- Sardar, Ziauddin. (1989). *Explorations in Islamic Science*. London and New York: Mansell Publishing Limited.
- Sardar, Ziauddin. (1991). "Pendekatan Islam dan Barat terhadap Sains dan Teknologi" dalam Ziauddin Sardar [ed]. *Sentuhan Midas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani.
- Sardar, Ziauddin. (1994). *Strategi Dunia Islam Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Shuib, Fadzlullah. (1995). *Kecemerlangan Ilmu dalam Sejarah dan Tamadun Islam: Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah, 750- 1258 M*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- Sulaiman ibn Juljul, Abu Daud. (1955). *Tabaqat al-Atibba' wa al-Hukama*. Kaherah: Matba 'ah al-Ma'had al-'Ilmi al-Faransi li al-Athar al-Sharqiah.
- Supena, Ilyas. (2002). *Dekonstruksi dan Rekonstruksi Hukum Islam*. Yogyakarta, Indonesia: Gama Media.
- Suriasumantri, Jujun S. (1990). *Ilmu dalam Perspektif Moral, Sosial, dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Syalabi, Ahmad. (1976). *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Syaltut, Mahmud. (1981). *Tafsir Al-Qur'an al-Karim*. Beirut dan Kaherah: Dar al-Syuruq.
- TPP [Tim Penulis Paramadina]. (2004). *Fiqh Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*. Jakarta, Indonesia: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Uthman el-Muhammady, Muhammad. (2005). "Ilmu, Pendidikan, dan Pembinaan Kekuatan Masyarakat Melayu dalam Menghadapi Globalisasi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)" dalam Hashim Musa [ed]. *Bahasa & Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Wahab Ismail, Abdul. (1989). "Falsafah Sains dan Teknologi Moden Menurut Islam" dalam Shaharir Mohamad Zain [ed]. *Pengenalan Tamadun Islam dalam Sains dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Daud, Wan Mohd. (1998). *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat, dan Perlaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Mohd Nor, Wan Salim. (1990). "Pendidikan Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi: Masalah dan Penyelesaiannya" dalam *Jurnal pendidikan Islam*, Jld.3, Bil.2. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Wan Omar, Wan Burhadin. (1983). "Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (Sehingga 1974)" dalam Nik Abdul Aziz Nik Hasan [ed]. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit PSM [Persatuan Sejarah Malaysia].
- Whitehead, Alfred N. (1952). *The Aims of Education*. New York: Mentor Book.
- Wiener, Philip P. (1973). "Dictionary of the History of Ideas" dalam S.H. Nasr [ed]. *Islamic Conceptions of Intellectual Life*, Vol. II. New York: Charles Scribner's Sons.
- Yahya, Mahayuddin. (1986). *Ensiklopedia Sejarah Islam*, jilid 1. Bangi, Selangor Darul Ehsan: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

- Yahya, Mahayuddin. (1990). *Islam di Sepanyol dan Sicily*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yuwono, Budi. (2005). *Ilmuwan Islam Pelopor Sains Modern*, Seri 1 dan 2. Jakarta, Indonesia: Pustaka Qalami.
- Zahir Zainuddin, Mohd. (2005). “Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Kelangsungan Kecemerlangan” dalam Roziah Omar et al. [eds]. *Malaysia: Isu-isu Sosial Semasa*. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan ISM.
- Zaini, Syahminin. (1986). *Prinsip-prinsip Dasar Konsepsi Pendidikan Islam*. Jakarta, Indonesia: Kalam Mulia.
- Zarrina Sa'ari, Che & Mohd Kamil Abd Majid. (2000). “Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil.12 [Disember]. Kuala Lumpur: APIUM.
- Zuhdi Abd Majid, Mahmood. (2003). “Pendidikan Islam ke Arah Pembentukan Warga Holistik” dalam Abdul Rahim Abdul Rashid [ed]. *Falsafah Budaya dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Zuhdi, Mahmood. (1997). *Beberapa Pemikiran tentang Ijtihad, Islah, dan Tajdid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.